



KERATAN AKHBAR

AKHBAR	:	HARIAN METRO		
TARIKH	:	5/11/2019	MUKA SURAT	: 8
JABATAN	:	KATS / JPS		
KLASIFIKASI	:	PERHATIAN		



BANJIR KILAT LEMBAH KLANG

Fenomena
'cloudburst'

BANJIR kilat yang melanda Jalan Damansara.

Oleh Mohd Husni

Mohd Noor

mhusni@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Kejadian banjir kilat di Lembah Klang baru-baru ini ada kaitan dengan fenomena *cloudburst* (hujan berserta ribut) yang melanda negara sekali



DR Xavier

dalam tempoh 25 tahun.

Menteri Air, Tanah dan Sumber Asli, Dr A Xavier Jayakumar berkata, fenomena itu membawa taburan hujan yang tinggi dan boleh menyebabkan banjir kilat.

"Kita hadapi banjir kilat ini sebab pembangunan dan penduduk yang pesat di Lembah Klang.

"Malah, kita juga tidak ada keperluan untuk kita atasi

Amaran waspada MetMalaysia

Kuala Lumpur: Jabatan Meteorologi Malaysia (MetMalaysia) mengeluarkan amaran cuaca waspada bagi beberapa kawasan di perairan pantai barat Sabah dan juga Labuan selama dua hari bermula hari ini.

Ketua Pengarahnya, Jailan Simon berkata, ia disebabkan ada sistem tekanan rendah yang terbentuk di kawasan perairan barat Filipina yang akan mengakibatkan hujan lebat.

Menurutnya, kehadiran sistem itu akan menyebabkan angin kechang dengan

kelajuan 40-50 kilometer sejam (kmsj) dan ombak mencapai ketinggian sehingga 3.5 meter.

"Di Sabah, ia membabitkan bahagian pantai barat iaitu Papar, Putatan, Penampang, Kota Kinabalu, Tuaran dan Kota Belud.

"Turut terkesan ialah bahagian pedalaman iaitu Kuala Penyu dan Beaufort serta daerah Kudat. Selain itu, ia turut membabitkan seluruh kawasan di Labuan," katanya dalam kenyataan, semalam.

masalah ini kerana ia membabitkan perubahan iklim," katanya pada sidang Dewan Rakyat, semalam.

Bagaimanapun, katanya, Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) dengan kerjasama Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kementerian Kewangan akan menjalankan kajian bagi mengatasi isu banjir kilat di Lembah Klang sebagai persediaan masa hadapan.

Dr Xavier berkata, pihak-

nya menganggarkan RM54 juta diperlukan bagi kos selenggara saja bagi mengatasi isu banjir kilat di Lembah Klang

"Perlu belanja besar untuk kos selenggara," katanya.

Baru-baru ini, beberapa lokasi di Lembah Klang dilanda banjir kilat susulan hujan lebat berserta ribut menyebabkan beberapa laluan ditenggelami air termasuk tanah runtuh dan pokok tumbang.